

STRUKTUR USAHAWAN BATIK MALAYSIA MENGIKUT KATEGORI MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA: ANALISIS DESKRIPTIF DATA SEKUNDER

(STRUCTURE OF MALAYSIAN BATIK ENTREPRENEURS BY MICRO, SMALL AND MEDIUM
ENTERPRISE CATEGORIES: A DESCRIPTIVE SECONDARY DATA ANALYSIS)

HARTINI, M. R.^{1,2} – NUR HAIZAL, M. Y.^{1*} – MAZNI, O.² – SITI FAIRUZ, M. H.² – MOHD ZAMANI,
D.²

¹ *Faculty of Innovative Design and Technology, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Terengganu, Malaysia.*

² *Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kelantan,
Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: haizal[at]unisza.edu.my*

(Received 30th November 2025; revised 28th February 2026; accepted 12th March 2026)

Abstrak. Kajian ini menganalisis corak taburan dan perkembangan usahawan batik di Malaysia melalui data pendaftaran usahawan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) bagi tahun 2020 hingga 2024. Kaedah analisis deskriptif digunakan melalui frekuensi, peratusan dan taburan mengikut negeri serta kategori perusahaan bagi menggambarkan profil industri batik semasa. Dapatan menunjukkan bahawa seramai 748 usahawan batik berdaftar pada tahun 2020, terdiri daripada 716 usahawan mikro (95.7%) dan 32 usahawan kecil (4.3%), tanpa kehadiran kategori perusahaan sederhana. Negeri Kelantan mencatat jumlah tertinggi ($n = 336$), diikuti Terengganu ($n = 129$) dan Selangor ($n = 84$), menjadikan ketiga-tiganya sebagai wilayah tumpuan industri batik. Sehingga Ogos 2024, sebanyak 95 pertambahan pendaftaran direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan 843 usahawan berdaftar. Pertambahan ini tidak semestinya mencerminkan kemunculan usahawan baharu, sebaliknya melibatkan usahawan sedia ada yang baru mendaftar secara formal. Corak ini menunjukkan bahawa perkembangan industri batik dalam tempoh tersebut lebih bersifat pertumbuhan ke arah formalisasi perusahaan dan peluasan geografi, berbanding penskalaan kapasiti pengeluaran. Kajian ini menyimpulkan bahawa industri batik Malaysia masih didominasi oleh perusahaan mikro yang bersifat artisanal dan berorientasikan warisan, serta memerlukan sokongan berstruktur untuk meningkatkan penskalaan industri, inovasi reka bentuk dan kelestarian jangka panjang selari dengan ekosistem ekonomi kreatif negara.

Katakunci: batik Malaysia, perusahaan mikro kecil sederhana, warisan budaya, industri kreatif, statistik deskriptif

Abstract. This study analyses the distribution patterns and development of batik entrepreneurs in Malaysia based on registration data recorded by the Malaysian Handicraft Development Corporation (PKKM) between 2020 and 2024. Descriptive statistical analysis was employed using frequency, percentage and spatial distribution by state and enterprise category to illustrate the current profile of the batik industry. Findings indicate that a total of 748 batik entrepreneurs were registered in 2020, consisting of 716 micro enterprises (95.7%) and 32 small enterprises (4.3%), with no medium enterprises recorded. Kelantan reported the highest number of entrepreneurs ($n = 336$), followed by Terengganu ($n = 129$) and Selangor ($n = 84$), identifying these three states as core batik production hubs. As of August 2024, an additional 95 registrations were recorded, bringing the total to 843 registered entrepreneurs. Notably, this increase does not necessarily reflect the emergence of new entrepreneurs, but rather the formal registration of existing operators. This pattern suggests that the growth observed during the period reflects a formalisation and geographical expansion of batik enterprises rather than scaling in production capacity. The study concludes that the Malaysian batik industry remains dominated by micro-scale, artisanal and

heritage-oriented enterprises, and highlights the need for structured support to strengthen industry scaling, design innovation and long-term sustainability within the national creative economy ecosystem.

Keywords: *Malaysian batik, micro small and medium enterprises, cultural heritage, creative industries, descriptive statistics*

Pengenalan

Batik merupakan warisan seni tekstil tradisional yang bukan sahaja mencerminkan identiti budaya Malaysia, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyokong ekosistem perniagaan kecil dan sederhana, terutama perusahaan mikro. Industri batik memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar dan menyumbang kepada pendapatan isi rumah melalui penghasilan kraftangan serta aktiviti perniagaan berasaskan Masyarakat (Zainal, 2025). Keistimewaan seni batik terletak pada corak dan kesan yang tercipta melalui penggunaan canting, blok batik, serta pewarnaan, menjadikan setiap helai kain batik memiliki keunikan tersendiri dan tidak sama antara satu dengan yang lain (Ramli dan Said, 2024). Dalam konteks Malaysia, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) membentuk lebih daripada 97% daripada semua perniagaan. Sektor budaya dan tekstil, termasuk industri batik, memainkan peranan penting dalam memelihara pengetahuan tradisional serta warisan budaya, sambil menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, penciptaan peluang pekerjaan, dan galakan inovasi (Abd Hamid dan Nordin, 2025). Selain aspek ekonomi, batik di Malaysia mempunyai nilai budaya yang signifikan. Seni batik mencerminkan warisan budaya dan identiti Malaysia melalui penggunaan motif dan reka corak yang melambangkan nilai estetika, tradisi dan kepelbagaian budaya masyarakat setempat, sekaligus dipelihara melalui aktiviti seni, pendidikan dan penganjuran acara kebudayaan (Jamaludin et al., 2023). Seni batik turut berperanan sebagai teras kepada pembinaan identiti Malaysia sejak sekian lama. Keunikan seni batik telah diiktiraf sebagai elemen penting dalam mengekspresikan nilai budaya, warisan seni dan jati diri masyarakat, khususnya dalam konteks Malaysia (Arifin et al., 2024). Walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai batik Malaysia yang banyak memberi tumpuan kepada aspek estetika, warisan budaya, dan tingkah laku pengguna, terdapat kekurangan kajian yang memberi fokus kepada struktur perusahaan batik berdasarkan skala perusahaan seperti kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Kajian-kajian terdahulu cenderung menekankan nilai seni dan warisan batik serta transformasi estetika batik dalam amalan kontemporari tanpa meneroka struktur ekonomi usahawan batik secara terperinci (Arifin et al., 2024). Tambahan pula, walaupun terdapat kajian yang meneliti prestasi perniagaan PMKS secara umum dalam industri batik, kajian tersebut tidak menyediakan profil deskriptif yang jelas mengenai kategori perusahaan seperti usahawan mikro, kecil dan sederhana dalam industri batik Malaysia (Razak et al., 2025). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menyediakan analisis deskriptif terperinci terhadap struktur usahawan batik Malaysia mengikut kategori PMKS.

Memahami struktur usahawan mengikut kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) adalah penting bagi menyokong pembentukan dasar dan perancangan pembangunan industri yang lebih berkesan di Malaysia. Perusahaan mikro dan kecil di Malaysia memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembentukan peluang pekerjaan, namun sektor ini sering berdepan dengan pelbagai cabaran seperti kesukaran mendapatkan modal, sumber kewangan yang terhad, kekurangan kemahiran pengurusan dan transformasi digital yang pantas, yang memberi impak kepada prestasi dan kelangsungan perniagaan mereka (Nor et al., 2024). Kajian

juga menunjukkan bahawa perusahaan batik di Malaysia mempunyai ciri pengurusan dan prestasi perniagaan yang berbeza mengikut skala perusahaan, justeru memerlukan pendekatan sokongan dan intervensi yang berbeza (Razak et al., 2025). Selain itu, daya tahan perusahaan mikro, kecil dan sederhana semasa krisis seperti pandemik COVID-19 membuktikan bahawa kefahaman tentang struktur perusahaan adalah penting bagi membolehkan kerajaan merangka dasar bantuan dan pemulihan yang bersasar (Hasan dan Tambi, 2023). Dalam masa yang sama, perusahaan batik bukan sahaja berfungsi sebagai entiti ekonomi tetapi juga sebagai agen pemeliharaan warisan dan identiti budaya negara (Abd Hamid dan Nordin, 2025). Oleh itu, analisis terhadap struktur usahawan batik Malaysia mengikut kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana adalah penting untuk menyediakan asas bukti empirikal bagi menyokong pembangunan dasar yang inklusif, strategik dan lestari terhadap industri batik negara.

Sorotan literatur

Di Malaysia, sesebuah entiti perniagaan diklasifikasikan sebagai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) berdasarkan kriteria rasmi yang ditetapkan oleh SME Corp. Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PMKS) yang paling meluas digunakan ialah definisi yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia, yang mengklasifikasikan PMKS berdasarkan bilangan pekerja dan jumlah jualan tahunan. PMKS dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu mikro, kecil dan sederhana, serta merangkumi dua sektor utama iaitu sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan Malaysia, iaitu agensi utama yang menyelaras pembangunan PMKS di peringkat nasional (Azmi, 2020). Kriteria rasmi ini menggunakan dua pembolehubah utama iaitu jumlah jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa, dengan syarat memenuhi salah satu daripada dua kriteria tersebut (jumlah jualan atau pekerja) dianggap layak diklasifikasikan sebagai PMKS. Definisi baharu yang diguna pakai bermula 2013, perusahaan mikro merangkumi entiti perniagaan dengan jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang, manakala perusahaan kecil melibatkan entiti dengan jualan tahunan dari RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta atau 5 hingga kurang daripada 75 pekerja sepenuh masa seterusnya perusahaan sederhana pula mempunyai jualan tahunan dari RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta atau 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja sepenuh masa bagi sektor pembuatan, dengan skala angka yang berbeza untuk sektor perkhidmatan dan lain-lain sektor tetapi prinsip klasifikasi yang sama (SME Corp. Malaysia, 2013/2024). Definisi ini bukan sahaja digunakan secara meluas dalam statistik dan laporan PMKS rasmi tetapi juga dirujuk dalam kajian akademik bagi memahami struktur dan sumbangan PMKS dalam ekonomi Malaysia.

Struktur industri kreatif merujuk kepada perusahaan-perusahaan dalam sektor kreatif yang tersusun dari segi saiz, modal, sumber dan peranan mereka dalam ekosistem ekonomi. Industri kreatif termasuk subsektor seperti kraf, batik, fesyen, reka bentuk, seni persembahan dan media, yang mana kesemuanya berasaskan kreativiti, nilai budaya dan inovasi komersial (Sulaiman, 2022). Dalam konteks Malaysia, industri kreatif diiktiraf sebagai sektor strategik yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan warisan budaya melalui dasar seperti Dasar Industri Kreatif Negara yang bertujuan memperkukuh daya saing industri ini serta menambah nilai ekonomi melalui aktiviti kreatif berteraskan intelektual (DIKN). Secara teori, struktur perusahaan dalam industri kecil dan kreatif sering kali dicirikan oleh ketidakseimbangan saiz perusahaan, di mana sebahagian besar entiti adalah perusahaan mikro dan kecil berbanding

perusahaan berskala besar. Ini kerana aktiviti kreatif biasanya bermula sebagai usaha individu atau komuniti kecil yang bergantung kepada modal tetapi menonjolkan keunikan kreativiti sebagai kelebihan kompetitif utama. Kajian awal menunjukkan bahawa perusahaan mikro di Malaysia terus berkembang dalam pelbagai sektor, termasuk industri kreatif, dan faktor pengurusan serta orientasi keusahawanan mempengaruhi prestasi serta ketahanan perusahaan tersebut dalam persaingan pasaran (Munoz et al., 2014). Dalam konteks kraftangan di Malaysia, batik dan kraftangan tradisional sering dimulakan sebagai usaha kecil yang berakar kepada komuniti setempat, kemahiran tradisi dan warisan budaya, di mana banyak perusahaan bertindak sebagai perusahaan mikro dengan model operasi berasaskan rumah, musiman atau sambilan (Fabeil et al., 2016).

Kajian empirikal terhadap perusahaan dalam industri kraftangan juga mengesahkan dominasi perusahaan mikro dan kecil dalam sektor ini. Sebagai contoh, kajian mengenai ekosistem keusahawanan industri kraftangan di Malaysia mendapati bahawa kebanyakan perusahaan dikategorikan dalam skala mikro dan kecil sebagaimana ditakrifkan oleh SME Corp Malaysia, dan faktor sumber manusia (seperti bakat serta kemahiran) merupakan komponen penting yang mempengaruhi prestasi perniagaan mereka (Hussein et al., 2021). Selain itu, kajian mengenai digitalisasi dalam industri kraftangan menunjukkan bahawa perusahaan mikro dan kecil perlu memanfaatkan teknologi digital untuk memperkukuhkan daya saing mereka, terutama semasa dan selepas cabaran seperti pandemik COVID-19, yang menuntut perubahan dalam strategi pemasaran dan pengurusan perniagaan (Suhaimi et al., 2023).

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) antara badan kerajaan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang memberi tumpuan kepada pembangunan, promosi dan pemerkasaan industri kraf termasuk batik dan tekstil berasaskan tradisi. PKKM bukan sekadar mendaftarkan usahawan kraf tetapi juga menganjurkan program, bengkel dan kempen kesedaran untuk meningkatkan daya saing dan penggunaan produk batik tempatan. Kempen Ini Batik Malaysia dilancarkan bermula Julai 2022 untuk memperkukuh identiti batik sebagai warisan budaya, meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap batik Malaysia dan menggalakkan pemakaian batik di pelbagai golongan masyarakat. Aktiviti termasuk peragaan fesyen batik dan paparan teknik batik kontemporari seperti batik cetakan kreatif (ecoprint), batik clay dan batik linut. Ini membantu menjana nilai komersial serta inovasi reka bentuk batik dalam kalangan usahawan kreatif (DBP, 2022). Industri kraf Malaysia khususnya batik juga berdepan beberapa isu struktur, pasaran, pengetahuan dan kelestarian yang mempengaruhi daya tahan sektor PMKS. Walaupun diiktiraf sebagai penyumbang kepada warisan budaya dan ekonomi luar bandar, pencapaian industri masih dianggap tidak setara dengan negara serantau seperti Indonesia dan Thailand dalam aspek kualiti produk, akses pasaran, dan inovasi. Melalui sudut ekosistem keusahawanan, masih wujud kekurangan dalam beberapa komponen kritikal seperti jaringan pasaran, infrastruktur, dan modal insan yang sepatutnya menyokong pemerkasaan keusahawanan mikro. Menurut Hussein et al. (2021) hanya komponen bakat ditemui memberi kesan signifikan terhadap prestasi perniagaan, menandakan bahawa isu kemahiran dan kompetensi masih menjadi faktor utama pembangunan industri. Selain isu ekosistem, pengetahuan tentang warisan juga berdepan cabaran besar. Menurut Othman et al. (2024), pengetahuan implisit (tacit), hubungan guru-aprenti, dokumentasi warisan, serta budaya kerja menjadi faktor utama keberhasilan pengekalan warisan kraf. Kegagalan mengekalkan mekanisme ini memberi risiko

kepuasan pengetahuan budaya dan kemahiran tradisional seperti batik, songket dan kraftangan etnik, sekaligus menjejaskan identiti budaya nasional (Othman et al., 2024).

Secara menyeluruhnya, corak formalisasi, dominasi perusahaan mikro dan ketumpatan geografi yang ditemui menandakan wujudnya ruang kajian lanjut untuk meneroka faktor struktur, pasaran, dan ekosistem sokongan yang mempengaruhi penskalaan perusahaan batik ke arah daya saing dan kelestarian jangka panjang.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kuantitatif bagi menerangkan profil usahawan batik berdaftar di Malaysia mengikut kategori perusahaan seperti mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Rekabentuk kajian ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menggambarkan fenomena secara sistematik berdasarkan data numerik tanpa membuat inferens kausal antara pembolehubah (Cooksey et al., 2019; Creswell dan Creswell, 2017). Dengan pendekatan ini, taburan usahawan batik dapat dianalisis secara jelas, termasuk perubahan bilangan dan peratusan usahawan mengikut kategori antara tahun 2020 dan 2024.

Sumber data

Data kajian diperoleh daripada agensi rasmi kerajaan, iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), yang menyimpan rekod lengkap usahawan batik berdaftar. Data ini merupakan data sekunder yang sah, membolehkan penyelidik menilai trend pendaftaran usahawan batik mengikut kategori perusahaan. Pendekatan menggunakan data sekunder adalah sejajar dengan prinsip kajian kuantitatif yang menekankan kepentingan data numerik yang tepat dan boleh dipercayai (Neuman, 2022; Sekaran, 2016).

Unit analisis

Unit analisis kajian ini ialah usahawan batik berdaftar, merangkumi individu atau entiti perniagaan yang didaftarkan secara rasmi. Setiap unit dianalisis secara agregat untuk menilai taburan usahawan mengikut kategori perusahaan, termasuk mikro, kecil dan sederhana. Penetapan unit analisis ini memudahkan penyelidik menilai corak struktur populasi secara menyeluruh (Creswell dan Creswell, 2017).

Pembolehubah kajian

Pembolehubah utama kajian ialah kategori perusahaan batik, yang merujuk kepada saiz dan skala operasi perniagaan berdasarkan standard PMKS. Pembolehubah ini dipilih kerana ia memberi gambaran jelas tentang struktur ekonomi usahawan batik dan kesesuaian untuk analisis statistik deskriptif. Kategori ini akan digunakan untuk membandingkan jumlah dan peratusan usahawan batik antara tahun 2020 dan 2024.

Teknik analisis data

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif, termasuk frekuensi, peratusan, dan taburan data bagi menggambarkan corak dan profil usahawan batik mengikut kategori perusahaan (mikro, kecil, sederhana) serta perubahan antara tahun 2020 dan 2024. Analisis frekuensi digunakan untuk menentukan bilangan usahawan

dalam setiap kategori, manakala peratusan menunjukkan nisbah kategori berbanding jumlah keseluruhan. Taburan data pula membolehkan penyelidik mengenal pasti corak penyebaran usahawan dan menilai perubahan relatif mengikut tahun pendaftaran. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip statistik deskriptif dalam kajian kuantitatif bagi meringkaskan data numerik dan memberi gambaran menyeluruh tentang populasi kajian (Neuman, 2022; Cooksey dan McDonald, 2019; Sekaran, 2016).

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Jadual 1 menunjukkan bahawa seramai 748 usahawan batik ($n = 748$) berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) pada tahun 2020, melibatkan 14 buah negeri di Malaysia. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti usahawan tergolong dalam kategori perusahaan mikro iaitu seramai 716 orang (95.7%) ($n = 716$), diikuti oleh 32 orang (4.3%) ($n = 32$) dalam kategori perusahaan kecil. Tiada usahawan dalam kategori sederhana direkodkan bagi tahun asas ini. Taburan geografi menunjukkan bahawa negeri Kelantan mencatatkan jumlah usahawan tertinggi iaitu seramai 336 orang ($n = 336$) (44.9%), diikuti Terengganu dengan 129 orang ($n = 129$) (17.2%) dan Selangor dengan 84 orang ($n = 84$) (11.2%). Negeri-negeri lain seperti Johor, Pahang, Kedah, Melaka dan Pulau Pinang masing-masing merekodkan antara 14 hingga 26 orang usahawan ($n = 1426$), manakala Perlis, Negeri Sembilan dan Sarawak mencatatkan kurang daripada 15 orang usahawan berdaftar ($n < 15$). Dari sudut kategori perusahaan, negeri Kelantan dan Terengganu turut merekodkan kehadiran usahawan dalam kategori kecil, masing-masing seramai 24 orang ($n = 24$) dan 4 orang ($n = 4$), sementara Selangor dan Langkawi mencatatkan 2 orang ($n = 2$) dan 1 orang ($n = 1$) usahawan kecil. Hal ini menggambarkan bahawa model perusahaan batik di Malaysia pada tahun 2020 didominasi oleh perusahaan mikro, yang selaras dengan ciri-ciri PMKS dalam sektor kraftangan tradisional Malaysia, di mana kebanyakan operasi dijalankan dalam skala kecil, bersifat artisanal, dan berorientasikan keluarga. Taburan ini turut menunjukkan bahawa industri batik menumpukan aktiviti pengeluaran di negeri-negeri tertentu yang mempunyai ekosistem warisan budaya yang lebih mapan seperti Kelantan dan Terengganu sebagai hub batik nasional.

Jadual 1. Jadual bilangan usahawan batik Malaysia yang berdaftar dengan PKKM mengikut kategori perusahaan tahun 2020.

Negeri	Kategori mikro (n)	Kategori kecil (n)	Frekuensi (n)
Johor	19	0	19
Kedah	17	0	17
Kelantan	312	24	336
Langkawi	12	1	13
Melaka	20	0	20
Negeri Sembilan	11	0	11
Pahang	25	1	26
Perak	23	0	23
Perlis	8	0	8
Pulau Pinang	14	0	14
Sabah	34	0	34
Sarawak	14	0	14
Selangor	82	2	84
Terengganu	125	4	129

Jumlah (N)	716	32	748
------------	-----	----	-----

Selain itu, analisis turut mengambil kira perubahan yang berlaku sehingga tahun 2024 melalui data pertambahan bilangan usahawan batik berdaftar mengikut negeri. Berdasarkan *Jadual 2*, pertambahan usahawan, sejumlah 95 pertambahan pendaftaran (n = 95) direkodkan sehingga Ogos 2024, menjadikan jumlah keseluruhan usahawan batik berdaftar meningkat daripada 748 orang (n = 748) pada tahun 2020 kepada 843 orang (n = 843) pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diperjelaskan bahawa pertambahan ini tidak semestinya menggambarkan kemunculan usahawan baharu yang memulakan operasi dalam tempoh tersebut. Sebaliknya, peningkatan ini merangkumi usahawan yang telah lama menjalankan aktiviti perusahaan batik, tetapi hanya mula berdaftar dengan PKKM dalam tempoh antara 2020 hingga 2024. Pertambahan ini juga dapat dilihat sebagai satu bentuk penyeragaman dan pemetaan pentadbiran terhadap industri batik nasional. Negeri Terengganu mencatatkan pertambahan tertinggi iaitu 17 pendaftaran (n = 17), diikuti Selangor (n = 16), Pahang (n = 14) dan Sabah (n = 9), manakala negeri Kelantan menunjukkan pertambahan yang minimum iaitu seorang sahaja (n = 1). Dari perspektif peratusan, pertambahan tertinggi berlaku di Pahang (53.85%), Johor (52.63%) dan Sarawak (42.86%), yang menunjukkan peningkatan signifikan dalam proses pengformalan perusahaan batik di negeri-negeri berkenaan. Secara keseluruhannya, dapatan berkaitan pertambahan pendaftaran 2024 ini memberikan gambaran tentang perkembangan dimensi pentadbiran dan pengiktirafan formal terhadap usahawan batik di Malaysia serta peluasan kawasan geografi industri batik nasional.

Jadual 2. *Jadual taburan pertambahan bilangan usahawan batik Malaysia yang berdaftar dengan PKKM sehingga 2024 mengikut negeri.*

Negeri	Bilangan 2020 (n)	Pertambahan 2024 (n)	Peratus %
Johor	19	10	52.63
Kedah	17	6	35.29
Kelantan	336	1	0.30
Langkawi	13	2	15.38
Melaka	20	2	10.00
Negeri Sembilan	11	3	27.27
Pahang	26	14	53.85
Perak	23	3	13.04
Perlis	8	2	25.00
Pulau Pinang	14	4	28.57
Sabah	34	9	26.47
Sarawak	14	6	42.86
Selangor	84	16	19.05
Terengganu	129	17	13.18
Jumlah (N)	748	95	12.70

Peningkatan pendaftaran usahawan batik sehingga tahun 2024 memperlihatkan perubahan dari aspek formalisasi industri melalui proses pendaftaran dengan PKKM. Pertambahan ini bukan sahaja menunjukkan kehadiran usahawan baharu dalam industri, tetapi turut merangkumi usahawan yang telah lama beroperasi namun hanya berdaftar secara formal pada tempoh selepas 2020. Fenomena ini selari dengan dapatan kajian yang menekankan bahawa PMKS dalam sektor kraftangan sering beroperasi secara tidak formal pada peringkat awal, dan hanya akan beralih kepada bentuk pendaftaran

formal apabila melibatkan peluang pasaran, sokongan agensi atau keperluan akses kepada insentif Kerajaan (Nawi et al., 2020). Pertambahan pendaftaran turut memperkukuh legitimasi industri batik sebagai sebahagian daripada ekosistem ekonomi kreatif nasional yang semakin berkembang. Kajian terdahulu melaporkan bahawa produk berasaskan warisan seperti batik bukan sahaja mempunyai nilai estetika dan simbolik, tetapi juga memberikan sumbangan ekonomi kepada komuniti penggiat seni dan kawasan pengeluaran (Arifin et al., 2024). Penemuan ini dapat dikaitkan dengan trend pengembangan usahawan batik ke negeri-negeri seperti Pahang, Sabah dan Sarawak yang mencatatkan peningkatan pendaftaran dalam tempoh 2020-2024, sekaligus mencerminkan peluasan geografi industri yang sebelum ini tertumpu di Kelantan dan Terengganu sebagai hab pengeluaran tradisi. Walau bagaimanapun, peningkatan bilangan pendaftaran ini masih tidak disertai peningkatan dalam kategori perusahaan kecil atau sederhana, menunjukkan bahawa majoriti pengusaha kekal berada dalam skala mikro. Situasi ini turut dibincangkan dalam kajian mengenai perusahaan batik di Malaysia yang mendapati bahawa kekangan modal, tenaga kerja mahir, inovasi teknologi serta akses pasaran merupakan faktor utama yang menghalang penskalaan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi (Nawi et al., 2020; Akhir et al., 2018). Hal ini menggambarkan bahawa pertumbuhan industri batik dalam konteks Malaysia pada masa ini lebih bersifat pertumbuhan horizontal (penambahan jumlah usahawan) berbanding pertumbuhan vertikal (peningkatan skala perniagaan).

Dalam konteks warisan budaya, peningkatan pendaftaran juga dapat difahami sebagai usaha untuk memelihara dan memperkukuh identiti budaya melalui penghasilan batik sebagai simbol visual warisan seni masyarakat Malaysia. Menurut Salim (2024) pewarisan seni batik memerlukan keseimbangan antara teknik tradisional, inovasi reka bentuk serta perlindungan hak intelek bagi memastikan daya saing dan kelestarian penghasilan batik dalam pasaran moden. Dalam konteks ini, formalisasi melalui pendaftaran turut berperanan sebagai mekanisme dokumentasi warisan sekaligus menambah legitimasi dan nilai pasaran produk berasaskan batik. Oleh yang demikian, dinamika perkembangan industri batik Malaysia dalam tempoh selepas 2020 bukan sahaja melibatkan dimensi ekonomi dan keusahawanan, tetapi turut melibatkan dimensi budaya, pentadbiran dan warisan. Peningkatan pendaftaran usahawan batik sehingga 2024 mencerminkan kecenderungan industri ke arah formalisasi dan peluasan pasaran, namun industri masih kekal bergantung kepada model perusahaan mikro yang bersifat artisanal dan berorientasikan warisan budaya.

Kesimpulan

Berdasarkan taburan frekuensi usahawan batik berdaftar mengikut kategori perusahaan, terdapat keperluan untuk meningkatkan penyertaan usahawan dalam kategori kecil dan sederhana melalui strategi pemerksaan modal, peningkatan kapasiti pengeluaran, latihan teknikal, penggunaan teknologi serta pemerksaan pemasaran digital. Inisiatif seperti bantuan kewangan bersasar, program pembangunan usahawan batik, penyediaan inkubator batik, serta jaringan kerjasama industri dan kerajaan dapat membantu perusahaan mikro beralih kepada kategori yang lebih tinggi dalam rantaian industri batik. Di samping itu, usaha memperkukuhkan pendaftaran rasmi usahawan melalui PKKMM adalah penting, kerana data yang teratur dan terpusat dapat menyokong perancangan dasar, penilaian program dan perkembangan industri batik secara lebih sistematik. Secara keseluruhannya, taburan data menunjukkan bahawa landskap industri

batik di Malaysia pada tahun 2020 didominasi oleh perusahaan mikro (n = 716), dengan majoriti tumpuan pengeluaran berada di negeri Kelantan, Terengganu dan Selangor. Pertambahan pendaftaran sehingga 2024 pula memberi indikasi bahawa industri ini bukan sahaja kekal aktif, tetapi turut berkembang dari segi pengiktirafan rasmi usahawan (formalisation process) dan peluasan geografi, walaupun pertumbuhan ini lebih ketara dari segi bilangan pendaftaran berbanding peralihan kategori perusahaan. Oleh itu, dapatan ini mengesahkan peranan industri batik sebagai sebahagian daripada sektor PMKS yang berasaskan warisan budaya, serta menunjukkan potensi untuk terus diperkukuh melalui intervensi dasar, sokongan pembangunan dan peningkatan keupayaan industri pada masa hadapan.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abd Hamid, N.H., Nordin, R. (2025): Integrating sustainability and innovation in cultural heritage: A case study of a Malaysian batik-based SME. – *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)* 9(10): 7668-7670.
- [2] Akhir, N.H.M., Ismail, N.W., Utit, C. (2018): Malaysian batik industry contribution analysis using direct and indirect effects of input-output techniques. – *International Journal of Business and Society* 19(1): 181-194.
- [3] Arifin, N.A.M., Mokhtar, S.A., Fauzi, S.N.A., Nordin, W.N.N. (2024): Seni tradisional batik sebagai tunjang warisan negeri Kelantan. – *Jurnal Kajian Lisan Malaysia* 2(1): 1-9.
- [4] Azmi, E.A.A.E.M. (2020): Small Medium Enterprises (SMEs) business owner's wellbeing and business growth in Malaysia. – *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 16(4): 296-310.
- [5] Cooksey, R., McDonald, G. (2019): *Surviving and thriving in postgraduate research.* – Singapore: Springer Singapore 26p.
- [6] Creswell, J.W., Creswell, J.D. (2017): *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches.* – Sage Publications 270p.
- [7] Dewan Budaya dan Pustaka (DBP) (2022): *Ini Batik Malaysia: Pengukuhan identiti batik sebagai warisan nasional.* – DBP 9p.
- [8] Fabeil, N.F., Marzuki, K.M., Abdul Rahim, I.H., Pazim, K.H., Langgat, J. (2016): Exploring factors for small business start-up and commercialisation: Qualitative evidence from handicraft entrepreneurs in Sabah, Malaysia. – *Journal for Sustainable Tourism Development* 5(1): 13-28.
- [9] Hasan, R.S.R., Tambi, N. (2023): Daya tahan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) semasa pandemik COVID-19. – *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 19(4): 224-244.
- [10] Hussein, N., Omar, M.K., Surin, E.F.M. (2021): Handicraft Industry: An Empirical Evidence of Malaysian Handicraft Micro and Small Industry Entrepreneurs. – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(6): 1267-1278.

- [11] Jamaludin, J., Yusoff, Z., Mohd Yusof, F., Abdul Karim, I.S., Sa'ad, S. (2023): Chempaka: A flora motif as design identity in batik. – *Ideology Journal* 8(2): 131-137.
- [12] Munoz, J.M., Welsh, D.H.B., Chan, S.H., Raven, P.V. (2014): Microenterprises in Malaysia: A preliminary study of the factors for management success. – *International Entrepreneurship and Management Journal* 8(10): 295-309.
- [13] Nawi, N.C., Al Mamun, A., Daud, R.R.R., Nasir, N.A.M. (2020): Strategic orientations and absorptive capacity on economic and environmental sustainability: A study among the batik small and medium enterprises in Malaysia. – *Sustainability* 12(21): 16p.
- [14] Neuman, W.L. (2022): *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches.* – Pearson 599p.
- [15] Nor, A.R.M., Rizal, N.H.M., Adli, N.N.N.Z., Kassim, N.S.M., Hanif, N.H.F.M., Azhar, N.S.T., Harizan, T., Apandi, W.N.S.M. (2024): Cabaran perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia pasca merdeka. – *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance* 6(2): 39-46
- [16] Othman, R., Ibrahim, O., Mat Kamal, S.N., Shafie, Z. (2024): Influencing success factors lah!: Orchestrating Malaysia's handicraft heritage through the symphony of knowledge transfer. – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(1): 15-30.
- [17] Ramli, H., Said, T.S. (2024): The Transformation of the Art of Batik Painting in Malaysia: Combining Tradition and Innovation Through Contemporary Batik Painting. – *KUPAS SENI Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni* 12(2): 1-9.
- [18] Razak, S., Wan, N.Z.N., San, S., Saidi, N. (2025): Exploring management accounting practices (MAPs) and business performance of SMEs in the Malaysian batik industry: Tracking the effectiveness of MAPs. – *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SME's* 7(24): 81-96.
- [19] Salim, S.B. (2024): Preservation of Malaysian batik heritage: Balancing traditional techniques and digital innovation through intellectual property protection. – *Tuijin Jishu/Journal of Propulsion Technology* 45(3): 2438-2446.
- [20] Sekaran, U. (2016): *Research methods for business: A skill building approach.* – Wiley 447p.
- [21] Suhaimi, S.M.S.S.M., Ariffin, W.N.J.W., Ahmad, M.F., Ibrahim, M.A., Pauzi, H.M., Ghazalli, F.S., Yusof, N.M. (2023): Digitalization of handicraft entrepreneurship in Malaysia. – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13(5): 58-68.
- [22] Sulaiman, D. (2022): Cultural and creative industries and value creation: An analysis on Malaysian copyright laws. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(12): 19-51.
- [23] Zainal, D. (2025): Batik, Malaysia's economic and ESG asset. – *Focus Malaysia Web Portal* 12p.